

# **BAB KETIGA**

## BAB KETIGA

### KAJIAN KES AJARAN HASSAN ANAK RIMAU

#### 3.1 Latar Belakang Ajaran

Ajaran Hassan Anak Rimau adalah salah satu daripada ajaran sesat yang wujud di negeri Kelantan. Ianya berselindung disebalik nama ‘tarekat tasawuf’ yang mengelirukan dari akidah Islam yang sebenar. Ada bermacam-macam nama yang diberikan kepada ajaran sesat ini. Antaranya ialah Tarekat Zikrullah Hassan Anak Rimau,<sup>1</sup> Ratib Kuat Tok Ayah Hassan, Ilmu Isi, Tarekat Batin Pak Chu Hassan, Zikir Kuat Haji Hassan, Ilmu Hakikat dan Ilmu Sejati. Hakikatnya ia hanya berbeza pada nama disebabkan bertapaknya di kawasan yang berbeza sedangkan kandungan ajaran serta prinsipnya sama. Ajaran tersebut tersusun dari banyak bahan yang bercampur aduk antaranya dari Animisme, Batiniah, konsep Nur Muhammad dan Wahdatul Wujud.

Ciri-ciri khas ajaran ini ialah sering menghina kemuliaan Allah s. w. t., mencaci dan merendah-rendahkan martabat kerasulan Nabi Muhammad s. a. w., mencaci dan merendahkan alim ulama dari kalangan ahli sufi serta *fuqa'* Islam. Mereka menuduh para ulama Islam telah menyembunyikan kebenaran demi kepentingan peribadi mereka dan dikatakan ‘ulama kulit’ dan tidak mengetahui

<sup>1</sup> Nama atau panggilan ‘tarekat’ inilah yang sering digunakan oleh penulis sepanjang kajian ini.

apa-apa tentang kebatinan dan hakikat. Ajaran ini juga jelas menghina al-Quran dan hadis yang merupakan sumber hukum yang utama dalam syariat Islam.<sup>2</sup>

Tasawuf dan Sufismelah yang menjadi sasaran sebagai saluran ajaran sesat ini. Kononnya, membersihkan diri dan meninggalkan urusan keduniaan merupakan salah satu matlamat ajarannya. Apa yang dilakukan bertujuan mencapai *ma'rifatullah*. Apabila sampai di tahap tertentu, penganut ajaran tersebut tidak perlu lagi melakukan ibadat solat, puasa, zakat dan sebagainya kerana mereka telah direndah disebabkan kedudukan mereka yang terlalu dekat dengan Allah serta disayangi-Nya. Segala amalan hanya dengan niat sahaja tanpa ada gerakan anggota.

Jelasnya ‘Ajaran Hassan Anak Rimau’ ini sengaja diselewengkan dari ajaran Islam yang sebenar. Pembohongan dan penipuan terhadap hukum dan amalan Islam; iaitu dengan mengada-ngadakan perkara yang tiada serta menafikan perkara-perkara yang fardu adalah suatu pendustaan ke atas hukum Allah. Mendustai hukum Allah dengan mengadakan sesuatu ibadat yang lain dari yang telah disyariatkan, boleh menyebabkan mereka-mereka yang terlibat terdedah kepada amalan-amalan yang memesongkan dari akidah Islam yang direndah oleh Allah s. w. t.

<sup>2</sup> Kenyataan ini berpandukan dokumen-dokumen rasmi yang diperolehi dari MAIK, JAHÉIK, JAKIM, dan juga temubual penulis dengan beberapa individu yang merupakan bekas pengikut ajaran berkenaan. Kesemuanya ini membuktikan penyelewengan besar yang dilakukan oleh ajaran tersebut terhadap akidah Islam.

### **3.1.1 Pengasas Ajaran**

Berdasarkan penghuraian penulis sebelum ini, jelas sekali bahawa kumpulan ‘Tarekat Zikrullah’ ini adalah salah satu dari ajaran yang berdasarkan tarekat Wujudiah Batiniah. Ia diasaskan secara rasminya pada tahun 1980<sup>3</sup> oleh Hassan bin Yaakob, yang bernombor kad pengenalan no. 2832157. Di kalangan pengikutnya beliau lebih dikenal dengan panggilan Tok Ayah Hassan atau Pak Chu Hassan. Ada juga orang yang memanggilnya Pak Teh Hassan. Panggilan yang popular di kalangan masyarakat umum ialah Hassan Anak Rimau.<sup>4</sup> Hassan dilahirkan di Kampung Chetok, Pasir Mas pada tahun 1914. Kemudiannya dia berpindah ke kampung Bukit Gading, dan berpindah pula ke kampung Bukit Mas di jajahan Tanah Merah. Di sanalah ia telah mula memperkenalkan ajaran serta fahaman terekat tersebut dan disebarluaskan kepada masyarakat setempat.<sup>5</sup>

Hassan sememangnya seorang yang tidak berpendidikan agama malah jauh sekali untuk digelar sebagai alim. Ini kerana ia tidak pernah mempelajari ilmu agama sama ada di pusat pengajian Islam seperti pondok, sekolah-sekolah agama dan lain-lain. Ini membuktikan ia bukanlah seorang yang berpengetahuan

<sup>3</sup> Walau pun Tok Ayah Hassan telah mengamalkan ‘tarekat’ ini untuk dirinya dan diajarkan kepada beberapa pengikut awalnya sejak tahun 1977 lagi, tetapi ianya diajar serta disebarluaskan secara meluas dan menjadikan ‘Madrasah Tok Ayah Hassan’ di Bukit Mas ini sebagai markas rasmi bermula pada tahun 1980. Temubual penulis bersama Encik Yusof bin Hassan (anak kepada Hassan bin Yaacob), pada hari Rabu 3 Oktober 2001, jam 12.45 tengahari, di Madrasah Tok Ayah Hassan, kampung Bukit Mas.

<sup>4</sup> Mohd Ramzi Omar et. (1995), *Ajaran Sesat Satu Ancaman Terhadap Negara*, Kor Agama Angkatan Tentera, Kuala Lumpur, h. 101.

<sup>5</sup> *Ibid.* h. 102-105.

agama Islam secara baik. Ia juga tidak dapat membaca al-Quran dengan baik apatah lagi untuk memahami kitab-kitab agama yang berbahasa Arab.<sup>6</sup>

Kejahlannya dalam ilmu-ilmu agama jelas terbukti apabila Hassan pernah mengakui bahawa beliau jahil dalam hal-hal agama kerana tidak pernah belajar dengan sesiapa pun di masa mudanya.<sup>7</sup> Beliau menyatakan bahawa ‘tarekat’ yang dikembangnya itu diambil (diterima) daripada Tuan Guru Haji Husin,<sup>8</sup> Padang Tok La, Pasir Mas. Pada hal menurut Tuan Guru Haji Husin sendiri, pengakuan ‘Hassan’ itu adalah dusta. Tuan Guru Haji Husin telah membuat penafian ini dalam dalam satu majlis pertemuan dengan Pegawai Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan di rumahnya di kampung Padang Tok La pada 4 Rajab 1399 Hijrah, bersamaan dengan 3 Mei 1979 Masihi. Menurutnya, Hassan tidak pernah mempelajari sebarang ilmu agama dengannya dan beliau tidak mempunyai ‘tarekat’ sebagaimana yang diamal dan disebarluaskan oleh Hassan bin Yaacob itu. Beliau amat kesal kerana namanya telah diperalatkan oleh Hassan untuk menyebar pengajarannya dalam masyarakat.<sup>9</sup>

Di zaman mudanya, Hassan<sup>10</sup> merupakan seorang yang banyak terlibat dengan perkara-perkara yang tidak baik, maksiat dan dosa seperti tidak

<sup>6</sup> Rekod Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, bertarikh: 5 Jun 1986, [MUI. (Kn.) 43/78/Bhg. 2].

<sup>7</sup> *Ibid.*

<sup>8</sup> Beliau seorang yang berpendidikan agama pondok yang mahir dalam pengajaran ilmu-ilmu Usuluddin, Fekah dan Tasawuf, dan tokoh agama yang dihormati oleh masyarakat setempat.

<sup>9</sup> Fail Pejabat Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Kota Bharu, bertarikh: 29 April 1980. Ia menerangkan mengenai ajaran yang dibawa oleh Hassan bin Yaacob, Kg. Bukit Mas, Tanah Merah, dan secara jelas ianya menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenar.

<sup>10</sup> Lihat bab pertama nota kaki nombor 6.

mendirikan sembahyang, tidak berpuasa Ramadan, mencuri, melakukan pembunuhan, dan lain-lain dari perkara maksiat. Pada zaman mudanya juga Hassan telah pergi ke Selatan Thailand dan tinggal di sana dalam tempoh yang agak panjang, dan di sana juga ia turut terlibat dalam beberapa kes jenayah. Begitulah juga setelah kembali semula ke Kampung Chetok, Pasir Mas Kelantan, ia telah melakukan beberapa jenayah seperti mencuri dan terlibat dalam pergaduhan.<sup>11</sup>

### 3.1.2 Pusat Kegiatan

Tarekat Zikrullah Hassan Anak Rimau adalah satu ajaran yang cuba menunjukkan pergantungannya kepada al-Quran dan hadis. Segala hujah-hujah yang digunakan dalam mempertahankan doktrin-doktrin yang dikemukakan telah cuba disokong dengan ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis yang telah diselewengkan nas dan maksudnya. Ia adalah satu ajaran 'baru' yang dicetuskan sendiri oleh Hassan bin Yaacob dengan bertujuan untuk mendapatkan kesenangan dan kedudukan dunia semata-mata, dengan memperalatkan agama Islam bagi menarik minat pengikut-pengikutnya. Perkara ini jelas sekali kerana sebelum munculnya ajaran tersebut tidak ada satu pun ajaran tarekat yang bernama demikian.<sup>12</sup>

---

<sup>11</sup> Fail Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, *Op. Cit.*

<sup>12</sup> *Ibid.*

Pusat ‘utama’ penyebaran ajaran tarekat ini terletak di kampung Bukit Mas,<sup>13</sup> yang terletak di Jajahan Tanah Merah.<sup>14</sup> Tanah Merah merupakan salah satu daripada sepuluh jajahan yang terdapat di bawah pentadbiran Kerajaan negeri Kelantan.<sup>15</sup> Ia mempunyai keluasan 867.6 km. persegi, dan penduduknya pula terdiri daripada kaum Melayu, Cina, India dan Siam. Kaum Melayu (Islam) pula berjumlah 98% dari jumlah penduduknya.<sup>16</sup> Dari sudut pentadbiran, di jajahan Tanah Merah terdapat seorang Ketua Jajahan yang berpejabat di Pejabat Tanah dan Jajahan yang terletak di bandar Tanah Merah. Manakala perkara-perkara yang berkaitan dengan hal ehwal agama Islam di jajahan ini, ianya terletak dibawah bidang kuasa Kadi Jajahan, yang berpejabat di bangunan Mahkamah Syariah, di bandar Tanah Merah. Dimana Ketua jajahan dan juga Kadi jajahan ini telah dilantik oleh kerajaan Kelantan sebagai penguasa di jajahan tersebut.<sup>17</sup> Tanah Merah juga merupakan lokasi kajian ini, kerana di jajahan inilah terletaknya kampung Bukit Mas, pusat Tarekat Zikrullah Hassan Anak Rimau. Dari sinilah pengaruhnya tersebar luas ke kawasan lain termasuklah ke negeri-negeri luar dari Kelantan..<sup>18</sup>

<sup>13</sup> Sekarang ini terkenal di kalangan penduduk di sekitarnya dengan panggilan ‘Kawasan Dalam Pagar’. Ini kerana kawasan seluas tujuh hektar itu telah dikelilingi dengan pagar kerawat yang berwarna hijau. Suasana dan keadaan tersebut telah diamati sendiri oleh penulis setelah mengunjungi beberapa kali ke sana sepanjang kajian ini dibuat.

<sup>14</sup> Lihat Lampiran 15.

<sup>16</sup> Jabatan Tanah dan Perangkaan Negeri Kelantan, ‘*Catatan Bancian Bagi Tahun 1991*’. Penulis perolehi dokumen ini dari Pejabat Tanah dan Jajahan, Tanah Merah, pada bulan Mach 2001.

<sup>17</sup> *Ibid.*

<sup>18</sup> Walaupun bagaimanapun dalam kajian ini penulis tidak menyentuh secara panjang lebar tentang perkembangan Ajaran Hassan Anak Rimau yang turut disebarluaskan ke beberapa negeri lain; tetapi hanya menfokuskan perkembangannya di jajahan Tanah Merah. Kelantan sahaja sesuai dengan tajuk kajian yang dipilih.

Setelah kematian Hassan tugas menyebar serta mengetuai ajaran tersebut telah dimbil alih oleh anak lelakinya yang bernama Yusof bin Hassan dan ia terkenal dikalangan pengikutnya hari ini sebagai ‘Nabi Yusof’.<sup>19</sup> Pusat ajaran ‘tarekat’ yang terletak di kampung Bukit Mas ini mempunyai keluasan tanah seluas tujuh hektar<sup>20</sup> yang dikelilingi kerawat yang berwarna hijau. Menurut Encik Yusof bin Hassan, tujuan kawasan tersebut dipagari dengan kerawat ialah bagi memudahkan pihaknya memastikan kawasan tersebut tidak diceroboh oleh pihak luar, juga bagi menyusun rumah-rumah kediaman di dalam kawasan itu dengan cara yang lebih teratur.<sup>21</sup>

Di dalam kawasan seluas tujuh hektar itu terdapat sebuah surau<sup>22</sup> yang digunakan sebagai tempat melakukan program tetap kumpulan itu, khususnya ‘amalan ratib’ yang diadakan pada setiap malam Jumaat. Selain itu sebuah rumah peninggalan Hassan (sekarang ini didiami oleh ahli keluarganya), sepuluh buah rumah ahli keluarga Hassan dan pengikut-pengikutnya, sebuah Pejabat Pos Mini, sebuah kedai runcit, sebuah kedai makan, tiga buah kubur (kubur Hassan dan dua kubur pengikut setianya, iaitu sepasang suami isteri yang dikenali sebagai Ayah Man dan isterinya Esah). Di samping itu terdapat juga kemudahan-kemudahan lain seperti dua buah pergi, tempat mengambil wuduk, dua buah tandas awam dan tiga bilik mandi.<sup>23</sup> Oleh kerana terdapatnya tiga buah kubur di kawasan

<sup>19</sup> Lihat lampiran 9.

<sup>20</sup> Perkara ini diceritakan oleh Encik Yusof bin Hassan semasa temubual penulis bersama beliau pada hari Rabu 3 Oktober 2001, jam 12.45 tengah hari di ‘Kawasan Dalam Pagar’.

<sup>21</sup> Temubual penulis bersama Encik Yusof bin Hassan, *Op. Cit*.

<sup>22</sup> Lihat Lampiran 3 dan 4.

<sup>23</sup> Suasana dan keadaan di kawasan tersebut penulis sendiri telah mengamatinya semasa datang ke tempat tersebut beberapa kali dalam usaha menyiapkan hasil kajian ini.

tersebut, maka Yusof serta pengikut-pengikutnya menamakan juga kawasan tersebut dengan panggilan ‘Perkuburan Sri Mahligai’.<sup>24</sup>

### 3.1.3 Keahlian

Dari sudut keanggotaan atau keahliannya pula adalah bersifat terbuka. Tetapi ianya tidak mendapat sambutan dari kalangan penduduk tempatan di jajahan Tenah Merah. Kebanyakan dari mereka datang dari jajahan lain seperti jajahan Bachok, Pasir Puteh dan lain-lain. Malah ramai juga di kalangan ahli atau pengikut jaran tersebut datang dari pantai Barat Semenanjung Malaysia berdasarkan loghat percakapan dan plat kenderaan yang digunakan.<sup>25</sup> Keahliannya berkembang menerusi keluarga terdekat seperti suami, isteri dan anak-anak ahli mereka yang sedia ada selain dari shabat-sahabat yang paling rapat<sup>26</sup>. Walau bagaimanapun bagi setiap individu yang hendak menyertai kumpulan ajaran Hassan Anak Rimau ini terlebih dahulu ia mestilah memenuhi syarat-syarat menjadi ahli. Antaranya ialah:<sup>27</sup>

- a) Hendaklah terlebih dahulu mengikuti majlis ‘ratib’ berapa kali, kemudian setelah dipercayai ‘maha guru’ barulah diterima menjadi ahli dan akan diberi tauliah sebagai ahli.

<sup>24</sup> Lihat Lampiran 8.

<sup>25</sup> Hal ini terbukti melalui temubual penulis bersama beberapa bekas pengikut serta pengamatan penulis setelah pergi beberapa kali ke pusat ajaran tersebut di kampung Bukit Mas.

<sup>26</sup> *Ibid.*

<sup>27</sup> Fail Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, *Op. Cit.*

- b) Setelah diberi tauliah bolehlah diajarkan sesuatu amalan yang tertentu.
- c) Tidak boleh diberitahu kepada sesiapapun mengenai kemasukan menjadi ahli kumpulan tersebut, melainkan kepada sesama ahli, ini kerana dibimbangi kemungkinan akan menimbulkan fitnah. Mereka berpendapat bahawa Nabi Muhammad dahulu pun tidak memberi tahu kepada orang-orang munafik.
- d) Kemuncak menjadi ahli ini hendaklah datang ke ‘Madrasah Tok Ayah Hassan’ di Kampung Bukit Mas bagi mengikuti majlis tahlil dan zikir ‘tarekat’ yang diadakan pada setiap malam Jumaat, dan di sana dapat bertemu wajah dengan maha guru (mursyid). Bayaran untuk menjadi ahli tidak ditetapkan, hanya sekadar sahaja.

### **3.1.4 Aktiviti dan Pengaruh**

Kawasan yang khusus digunakan bagi menjalankan segala aktiviti ajaran tersebut. Kebiasaannya, majlis ‘ratib kuat’ akan bermula sebaik sahaja selepas solat Maghrib dan berakhir bila masuk waktu Isyak. Selepas solat Isyak berjemaah, mereka mengadakan ‘majlis takalim’ dalam jangka masa yang

sederhana lamanya. Di dalam ‘majlis takalim’ inilah sedikit sebanyak para pengikut diisi dengan kesahaman mereka. Walau bagaimana pun, perbicaraan-perbicaraan yang lebih sulit tidak dibincangkan secara umum serta tidak diperkatakan di hadapan pengikut-pengikut mereka yang baru.

Hasil pemerhatian dari temubual penulis dengan bekas-bekas pengikut Tarekat Zikrullah Hassan Anak Rimau, ajaran ini juga bercampur aduk antara pengajaran yang terdapat dalam tarekat Ahmadiah, Naqsyabandiah dan berbagai-bagi lagi. Manakala yang terbanyak ialah ajaran serta amalan yang direka cipta sendiri oleh guru ajarannya.<sup>28</sup>

Ajaran dan kegiatan meratib yang dilakukan secara kuat dan sehingga larut malam pada satu-satu tempat itu telah menimbulkan gangguan dan kegelisahan kepada masyarakat tempatan. Ini membuatkan masyarakat sekeliling tidak menyenangi dengan ajaran atau kumpulan ini.<sup>29</sup>

Ajaran yang dikembangkan oleh ‘Hassan’ pada mulanya dipopularkan melalui cara bomoh setelah didapati orang yang tertentu terpengaruh dengan cara bomohnya itu, maka ia diajak menyertai kegiatan meratib kuat yang merupakan salah satu ciri ajaran yang dibawanya itu. Ini adalah kerana meratib sebagaimana yang dilakukan itu ialah cara bagi mengubati satu-satu penyakit.<sup>30</sup>

<sup>28</sup> *Ibid.*

<sup>29</sup> Haji Abdullah bin Zakaria, *Op. Cit.*

<sup>30</sup> Sila lihat Rekod Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan.

Ajaran yang dilakukan oleh kumpulan tarekat tersebut dikenali dengan tiga bentuk:<sup>31</sup>

- i) Ratib Maghrib (Zikir Maghrib); iaitu amalan ratib yang dilakukan selepas maghrib.
- ii) Ratib 'Isyak(Zikir 'Isyak); iaitu amalan ratib yang dilakukan selepas isyak.
- iii) Ratib Subuh (Zikir Subuh); iaitu ratib dan amalan yang dilakukan selepas subuh.

Meratib kuat yang merupakan salah satu amalan dalam ajaran Hassan Anak Rimau ini dilakukan secara beramai-ramai di pusat ajarannya di Buki Mas dan juga di rumah ahli-ahlinya secara bergilir-gilir. Mereka meratib dengan kuat seolah-olah telah melupakan diri. Butir-butir ajaran diberi secara sulit dan rahsia supaya tidak terbocor keluar, dan ianya tidak diberi melainkan setelah diyakini bahawa seseorang itu telah menjadi pengikutnya yang teguh. Majlis meratib kuat ini diketui oleh Hassan sendiri atau siapa sahaja yang difikir layak sebagai orang kanan. Ianya diadakan sehingga larut malam, dengan irama perlahan pada mulanya kemudian semakin kuat.<sup>32</sup>

Majlis zikir dan tahlil yang mereka lakukan pada setiap malam Jumaat pada asalnya tidak ada percanggahan dengan syariat Islam. Ianya dilakukan di

---

<sup>31</sup> Sila lihat Lampiran 17.

<sup>32</sup> Fail Mahkamah Kadi Jajahan Tanah Merah, Kelantan; mengenai Ajaran Hassan Anak Rimau, bertarikh: 30 September 1992 / 4 Rabi'ul Akhir 1413 Hijrah.

bawah sinaran lampu kalimantan yang terang benderang. Pengikut lelaki juga diasangkan dengan pengikut perempuan. Mereka menggunakan lafaz-lafaz yang suci lagi mulia seperti bertasbih, bertahmid, bertahlil dan bertakbir. Tetapi ianya dilakukan dengan suara yang amat kuat. Menurut bekas pengikut kumpulan itu, ianya semata-mata untuk mengaburi mata ahli dan pengikut-pengikut yang baru, menjaga tanggapan masyarakat setempat serta pihak Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Sudah menjadi kelaziman apabila mereka dituduh sesat, mereka tidak mudah melenting. Sebaliknya mereka menjemput mereka yang menuduh ajaran itu sesat supaya datang menyaksikan sendiri majlis-majlis yang diadakan. Setelah itu mereka telah mendapat perhatian oleh pihak media tempatan dan segala apa yang berkaitan dengan ajaran kumpulan ini telah didedahkan di dada akhbar suatu masa dahulu.<sup>33</sup>

Untuk mendapatkan isi-isi pengajarannya adalah amat rumit sekali. Setakat ini penulis masih belum mendapatkan butir-butir yang lengkap oleh kerana para ahlinya merahsiakan isi pengajaran tersebut kepada orang lain, kecuali setelah menjadi ahli dan dipercayainya terlebih dahulu. Di samping ini para pengikutnya diikat dengan beberapa syarat supaya merahsiakan sebarang ajaran dan kenyataan, melainkan kepada sesama ahli sahaja. Walau bagaimana pun di atas kerjasama dan jasa baik pihak-pihak berkenaan seperti Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Jabatan hak Ehwal agama Islam kelantan dan lain-lain,<sup>34</sup> penulis telah mendapati beberapa maklumat berhubung

---

<sup>33</sup> *Ibid.*

<sup>34</sup> Temubual penulis bersama Tuan Haji Abdul Rahman bin Mohammad, Kadi Jajahan Tanah Merah, bertempat di Pejabat Kadi Tanah Merah, pada 28 Oktober 2001, jam 11.30 pagi.

dengan isi pengajaran dan amalan-amalan tersebut. Amalan ini lebih menitik beratkan kepada berzikir, di mana tidak jauh bezanya dengan amalan yang lain. Amalan zikir boleh dilakukan secara perseorangan, tetapi lebih baik amalan ini dilakukan secara beramai-ramai iaitu berkumpul sesama ahli di suatu tempat, sama ada di rumah ahli atau di tempat lain. Zikir di dalam tarekat ini dilakukan dengan dua cara, iaitu:

- a) Cara khafi (خفی). Cara ini biasanya dilakukan berkumpul dengan ahli-ahli pada malam jumaat dan malam selasa.
- b) Cara Tawajuh (توجہ). Cara ini juga berkumpul sesama para ahli dan dilakukan pada malam Jumaat. Kedua-dua amalan ini hendaklah dipimpin oleh ketua (Imam).

Sebenarnya di kampung Bukit Mas tempat diasaskan ajaran Hassan Anak Rimau tidak mendapat sambutan dari kalangan masyarakat setempat, kerana masyarakat tempatan telah mengenali secara dekat peribadi serta latar belakang pendidikan pengasasnya. Cuma orang yang belum kenal secara dekat selalunya terperangkap dengan pengajaran dan kegiatan ‘agama’ yang dianjurkan oleh Hassan, dan majlis zikir yang diadakan pada setiap malam Jumaat di ‘Madrasah Bukit Mas’ pun dihadiri oleh orang-orang luar sama ada dari kampung lain atau dari negeri-negeri lain dari Kelantan.<sup>35</sup>

<sup>35</sup> Temubual penulis bersama Haji Abdullah bin Zakaria, Imam Tua Masjid Mukim Bukit Mas, pada hari Rabu 3 Oktober 2001, jam 2 petang, bertempat di Masjid Mukim Bukit Mas, Tanah Merah, Kelantan.

Ramai juga dari kalangan pengikut-pengikut setia kepada guru ajarannya tetapi telah berpaling tada dan keluar dari kumpulan ajaran tersebut. Ini menyebabkan rahsia pengajaran dan kegiatan yang dibawanya bocor keluar yang mana seterusnya dapat diketahui pihak yang berkenaan. Mereka yang berpaling tada ini keluar dari kumpulan tersebut setelah merasa yakin bahawa pengajaran yang dibawa oleh ‘Hassan’ tidak benar sebagaimana yang dikehendaki oleh agama Islam dari segi akidah dan syariat (amalannya).<sup>36</sup>

Mereka yang terlibat dalam penghukuman ini adalah pengikut setia dan penyebar Ajaran Hassan Anak Rimau, sama ada di negeri Kelantan atau negeri-negeri lain ini kerana selain dari Kelantan, Ajaran Tarekat Zikrullah Hassan Anak Rimau telah dikembangkan ke beberapa negeri lain di Malaysia. seperti Terengganu, Pahang, Selangor, Perak, dan Negeri Sembilan. Antara individu yang terlibat dalam mengembangkan ajaran ini ke negeri-negeri tersebut ialah Arifin bin Muhamad (Ayah Pin), Muhammad bin Ya, Kamariah binti Ali dan lain-lain. Walau bagaimanapun dalam kajian ilmiah ini penulis tidak membincangkan mengenai perkembangan atau pengaruh ajaran tersebut yang wujud di tempat-tempat lain, tetapi hanya memfokuskan mengenai perkembangan serta pangaruhnya di jajahan Tanah Merah. Ini kerana bersesuaian dengan skop kajian yang hanya menumpukan kepada kajian kes di jajahan Tanah Merah, Kelantan.

<sup>36</sup> Temubual penulis bersama seorang bekas pengikut ajaran ‘Ratib Kuat Hassan Anak Rimau’; Haji Mohamad bin Hussin di rumahnya Kampung Bukit Mas, Tanah Merah, pada hari Rabu 3 Oktober 2001, jam 3.30 petang.

### 3.2 Bentuk-Bentuk Penyelewengan Ajaran Hassan Anak Rimau

Melalui penyelidikan yang dilakukan oleh penulis terhadap ‘Ajaran Hassan Anak Rimau’, jelas sekali ianya mempuanyai hubungkait yang rapat dengan Tasawuf Teosofi, Tasawuf Wahdatul Wujud, konsep Martabat Tujuh dan konsep Nur Muhammad<sup>37</sup> yang menjadi punca utama kepada penyelewengan dalam ilmu tasawuf dan kepada muncul ajaran-ajaran sesat.

Tasawuf Wahdatul Wujud dalam Islam dapat dikesan sumbernya daripada Hindu dan Neoplatonisme atau seumpama kedua-duanya.<sup>38</sup> Fahaman Wahdatul Wujud menganggap alam ini adalah pernyataan Allah yang *qadim*, azali lagi abadi. Alam ini seperti ombak dan Tuhan seperti laut. Ombak itu kekal ada selagi laut itu kekal.<sup>39</sup> Wahdatul Wujud atau tauhid wujudi adalah fahaman yang membentuk kepercayaan bahawa yang ada hanya satu wujud iaitu wujud Tuhan dan yang selain Tuhan tidak wujud. Segala kewujudan yang selain Tuhan merupakan penzahiran dan aspek-aspek ketuhanan atau wajah-wajah wujud Yang Esa itu. Dalam doktrin Wahdatul Wujud, wujud Tuhan dikatakan bersamaan dengan wujud alam. Apa yang disaksikan dan dipandang adalah alam pada satu aspek dan juga Tuhan pada aspek yang lain. Alam dikatakan Tuhan dalam bentuk

<sup>37</sup> Di sini penulis menganalisis mengenai fahaman dan kepercayaan-kepercayaan tersebut yang menyeleweng dari akidah Islamiah; bagi membuktikan bahawa kepercayaan demikian turut berlaku di dalam amalan dan kepercayaan ‘Ajaran Hassan Anak Rimau’.

<sup>38</sup> Abdulfatah Haron Ibrahim, *Ahli Sunnah Dan Wujudiah Batiniah, Mengenai Ajaran Salah, Op. Cit.*, h. 86.

<sup>39</sup> *Ibid.*, h. 87-90.

penzahiran. Alam dikatakan satu dengan Tuhan dalam keadaan ada perbezaan pada kenyataan tetapi sama pada hakikatnya.<sup>40</sup>

Martabat Tujuh adalah satu perbincangan mengenai asal usul mula kejadian alam semesta ini. Ilmu ini termasuk dalam bidang iktikad Tasawuf Falsafah Wahdatul Wujud. Penjelasan maksudnya ialah bahawa Allah Yang Maha Esa *mentajalli* (menampak) alam semesta daripada Zat-Nya sendiri. Martabat pertama ialah martabat *Ahadiyah* iaitu martabat *zat qadim*, azali, abadi; martabat *La Ta'yūn*, ertinya martabat tidak nyata. *Ahadiyah* iaitu seperti menilik cermin, wahdah seperti cermin, wahdiyah seperti rupa dalam cermin, martabat *La Ta'yūn* belum nyata Tuhan dengan hamba. Kedua, *Wahidiyah*; martabat *'Āliah Wahdah Qadīm*, azali, abadi; roh *Qudsī*, yakni nyawa Muhammad; martabat *Ta'yūn Awwal* iaitu nyata yang pertama, kelakuan zat Syu'ūn; martabat Muhammad. ertinya nyawa Muhammad pada pihak pengetahuan Allah. Ketiga, *Wahdiyah*; martabat *Ta'yūn Thānī*, nyata yang kedua iaitu Roh Adam dan *A'yan Thābitah* namanya iaitu kenyataannya telah ada bagi ilmu Allah bagi zat dan bagi sekalian yang *mauyūd* iaitu jalan tafsil. *Tajalli* hak Allah kepada martabat ini dengan nama Ar-Rahman bersifat pemurah.<sup>41</sup>

Martabat keempat ialah martabat '*Alam Arwah*', iaitu alam segala nyawa dan alam roh *A'yan Kharijah*; ertinya kenyataan yang sudah terbit daripada ilmu-Nya dan roh itu daripada kehendak Allah Taala yang dibangsakan keadaannya dengan martabat terbit daripada suruhan Tuhan serhadap sekalian hamba dengan perantaraan sesuatu daripada pergantung terhadap-Nya. Kelima, '*Alam Mithal*

<sup>40</sup> Abū al-'Allā 'Afīfī (1963), *al-Tasawwuf al-Thaurah al-Rāhiyyah Fi al-Islām*, Dār al-Ma'ārif, Kaherah, h. 185-186.

<sup>41</sup> Abdulfatah Haron Ibrahim, *Op., Ctr*, h. 19-172.

ialah kalbu sanubari bererti tempat hati. Inilah alam segala rupa namanya iaitu daripada kehendak Allah Ta'ālā yang amat hampir daripada segala *juziyyat* yang halus. Keenam, '*Alam Ajsam*, ialah alam *syahādah*, alam yang dipandang, alam segala martabat yang terus daripada unsur yang empat; air, tanah, udara dan api. Dari itu nyata Allah Ta'ālā itu dengan *Zāhir* dan Muhammad namanya *Mazhar*. Ketujuh, ialah '*Alam Insān*; yang disebut *Insān* itu ialah rahsia-Ku (Allah) dan Aku rahsianya. Martabat inilah yang merupakan himpunan kesemua martabat yang terdapat dalam konsep martabat tujuh ini.<sup>42</sup>

Manakala Nur Muhammad ialah cahaya yang dihubungkan dengan Nabi Muhammad s. a. w. Ia merupakan ciptaan Allah yang pertama, sebelum Dia mencipta makhluk-Nya yang lain. Cahaya ini dicipta dari Nur Allah, pada asal kewujudannya. Nur ini sama dengan rupa kejadian Nabi Muhammad s. a. w. Nur Muhammad juga biasanya disebut sebagai *al-'Aql al-Awwal*, *al-Insān al-Kāmil*, *Qutub*, *Ghaus* dan lain-lain. Kaitannya dengan Martabat Tujuh, dimana ianya terletak di martabat kedua. Pemikiran ini tidak ada dalam al-Quran dan hadis sahih, lebih-lebih lagi ia disifatkan sebagai *qadim*. Menurut kepercayaan ini, semua perkara yang wujud di alam ini bersumber dari 'Nur Muhammad'. Bagi Ahli Sunnah, kepercayaan Nur Muhammad ini adalah khurafat dan tidak bersandarkan mana-mana dalil yang layak menjadi sumber hukum. Tetapi setengah kaum Sufi yang keterlaluan mendakwa bahawa ilmu mereka kasyaf, kadang-kadang dikatakan diambil terus dari Allah atau Rasulullah.<sup>43</sup>

<sup>42</sup> *Ibid.*, h. 178-191.

<sup>43</sup> Abū al-'Allā 'Afīfī, *Op.*, *Cit.*, h. 190-192.

Ajaran Batiniah pula dikenali juga dengan ‘Tasawuf Batiniah’, yang memberi erti kebatinan. Di kalangan pengamal ilmu ‘hakikat’ seperti juga ‘Ajaran Hassan Anak Rimau’ yang dibincangkan dalam kajian ini, wujud satu amalan nikah batin, yang pada asalnya lahir dari konsep batin yang disebar oleh kumpulan Syiah Batiniah. Nikah batin adalah satu amalan misteri bagi golongan pengikut Hassan Anak Rimau. Mereka merahsiakan amalan ini dari pengetahuan masyarakat umum yang tidak mengikuti ajaran tersebut. Antara kepercayaan yang menjadi asas iktikad di dalam ajaran Batiniah ialah fahaman ‘*Hulūl*’, yang memberi erti penyerapan Tuhan dengan hamba atau makhluk. Oleh di dalam ajaran ini menyatakan bahawa Allah s. w. t. akan bersebatи di dalam jiwa manusia; dimaksudkan dalam kepercayaan sini ialah Tuhan akan bersebatи dengan manusia yang membawa kepada manusia itulah yang di katakan ‘Tuhan’. Sememangnya iktikad dan kepercayaan sebegini terdapat di dalam ajaran ‘Tarekat Zikrullah Hassan Anak Rimau’ yang jelas terpesong daripada akidah Islam yang suci lagi direrai Allah Ta’āla.<sup>44</sup>

### **3.2.1 Penyelewengan Terhadap Rukun Islam Dan Rukun Iman**

Mengikut kajian yang telah dijalankan, terdapat dari ajaran ‘Tarekat Zikrullah Hassan Anak Rimau’ yang menjadi amalan oleh pengikut-pengikutnya, telah sampai ke peringkat yang sangat serius dan mengancam akidah individu dan masyarakat Islam yang mempercayai serta mengamalinya; seperti mengkhianati rukun Islam dan rukun iman dengan membuat pelbagai dakwaan yang karut dan menyeleweng mengenainya. Sesungguhnya amalan dan iktikad seperti ini tidak

<sup>44</sup> *Ibid.*, h. 195. Lihan sama Abdulfatah Haron Ibrahim, *Op.*, *Cit.*, h. 197-204.

ada bezanya dengan perlakuan jenayah penyelewengan akidah yang membawa kepada murtad melalui akidah yang dilakukan dengan cara ikrar dengan lisan mahupun dengan tulisan. Kerana kedua-duanya telah memesongkan akidah setiap individu Muslim yang terlibat.

Melalui ajaran ‘tarekat’ ini, ia telah menyamakan Allah dengan makhluk-Nya iaitu dengan mendakwa bahawa diri kita sendiri itulah Tuhan. Ini terbukti dengan apa yang dinyatakan oleh Hasan Anak Rimau: “*Bahawa diri kita itulah Tuhan, atau Allah*”.<sup>45</sup> Pernah satu ketika bila seorang muridnya mengatakan bahawa ia melihat di dalam cermin di hadapannya itu mukanya sendiri, maka kata Tok Hasan,<sup>46</sup> “*itulah Tuhan*”.<sup>47</sup> Dalam suatu peristiwa yang lain, Tok Hassan pernah mengaku bahawa ia telah pun mikraj sampai ke ‘sebelah sana’ (Sidratul Muntaha), dan bila ditanya adakah dia melihat Tuhan, maka jawabnya: ‘*Tuhan itu adalah kita sendiri*’.<sup>48</sup> Selain itu terdapat juga di dalam ajarannya yang memdakwa, “*mu Tuhan aku Tuhan dan diri kita itulah Tuhan atau Allah*”.<sup>49</sup>

Seterusnya ajaran ini menegaskan bahawa manusia mempunyai dan memiliki sifat seperti mana sifat yang dimiliki oleh Allah s. w. t.; seperti katanya: “*Bahawasanya diri kita ini adalah sifat diri Tuhan semesta alam, tiada diri kita sebenarnya hanya diri-Nya semata-mata. Kita datang dari alam 'ghaibul ghaib'*”

<sup>45</sup> Penal Penyelidik Majlis Agama Islam Kelantan (1987), *Memerangi Ajaran Sesat*, Cet. I, Majlis Agama Islam Kelantan, Kota Bharu, h. 3.

<sup>46</sup> ‘Tok’ adalah salah satu penggilan hormat dari kalangan pengikut-pengikut Hassan Anak Rimau terhadapnya.

<sup>47</sup> Penal Penyelidik Majlis Agama Islam Kelantan, *Op. Cit.*, h. 6.

<sup>48</sup> Salleh bin Ismail, *Op. Cit.*, h. 353-355.

<sup>49</sup> *Ibid.*, h. 534 -537.

*pada martabat ahdah. Nyata dan zahirnya kita sebagai sifat-Nya pada martabat alam insan (tubuh manusia itu sendiri), jadi dengan memahami secara mutlak perbincangan kita, maka sudah pastilah kita mengetahui asal kita adalah Tuhan pada martabat ahdah dan nyatanya kita sebagai sifat-Nya pada martabat alam insane. Dan sesungguhnya dari martabat alam insan ini pula kita harus mengorak langkan menyucikan sifat diri kita ini dari martabat sifat kepada martabat Tuhan kembali iaitu martabat asal diri kita itu sendiri”.*<sup>50</sup>

Sudah tentu dakwaan seperti ini amat bertentangan dengan akidah Islamiah yang suci, kerana ia bertentangan dengan sifat Allah s. w. t. yang Maha Agong. Ini kerana sifat Allah tidak menyerupai dengan sesuatu yang lain dari-Nya (makhluk). Dengan nyata sekali bahawa kata-kata sedemikian itu adalah terkeluar dari ajaran agama Islam yang maha suci. Allah adalah Tuhan yang wajib setiap hamba beriman dengan kewujudan-Nya dan Maha Suci Allah menyamai dengan makluk apatah lagi sebat dengan manusia seperti yang terdapat dalam ajaran ‘tarekat’ yang disebarluaskan oleh Hassan Anak Rimau yang dibincangkan ini. Allah tidak mempunyai anak dan tidak pula diperanakkan seperti mana yang telah dijelaskan di dalam firman-Nya yang berbunyi:

فَلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ اللَّهُ الصَّمَدُ لَمْ يَكُنْ لَّهُ كُفُواً أَحَدٌ

Maksudnya: “Katakanlah (wahai Muhammad): (Tuhanku) ialah Allah yang Maha Esa. Allah yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat. Ia tidak beranak dan ia pula tidak diperanakkan. Dan tidak ada sesiapapun yang setara dengan-Nya”<sup>51</sup>

<sup>50</sup> Penal Penyelidik Majlis Agama Islam Kelantan, *Op. Cit.*, h. 3-8.

<sup>51</sup> al-Ikhlas, 112:1-4.

Dari apa yang dibawa oleh ajaran ini juga, nyatahal bahawa ianya telah mencampuradukkan sifat makhluk dengan sifat Khalik yakni Allah s. w. t. dalam usaha mencari kesucian diri. Pembawa ajaran ini telah tersasul dengan beranggapan bahawa manusia akan sampai ke satu martabat yang paling tinggi mengikut perkiraannya sehingga mengaku diri manusia sama seperti Tuhan atau diri Tuhan.

Iktikad seperti ini jelas sekali salah dan sesat serta menyeleweng dari hakikat ajaran Islam yang sebenar yang direndai oleh Allah s. w. t., kerana Dia bukan baharu; sepetimana firman-Nya yang berbunyi:

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

Maksudnya: “*Tiada sesuatu yang sebanding dengan-Nya (Zat-Nya, Sifat-Nya dan Perbuatan-Nya), dan Dialah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat*”<sup>52</sup>.

Jelas sekali, kepercayaan seperti ini adalah terpesong dari akidah Islamiah sebenar; kerana mempercayai bahawa Zat Allah boleh bersatu, atau dalam erti yang lain boleh bersepada di dalam jiwa manusia adalah satu kepercayaan yang salah dan boleh menyebabkan terbatal iman. Dakwaan ini tidak sahaja menyamakan Allah dengan makhluk-Nya, ia juga menghina Allah s. w. t. dengan dakwaan bahawa Allah memiliki sifat yang paling hina iaitu menyamakan-Nya dengan iblis yang telah dilaknat-Nya (kerana iblis juga adalah perkara baharu yang diciptakan oleh Allah seperti manusia), serta telah diakui sebagai makhluk-

<sup>52</sup> al-Syurā, 42:11.

Nya yang paling keji dan hina. Maha Suci Allah dari bersifat demikian. Hal ini dinyatakan melalui firman-Nya di dalam al-Quran yang berbunyi:

وَلَقَدْ خَلَقْنَاكُمْ ثُمَّ صَوَرْنَاكُمْ ثُمَّ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ اسْجُدُوا لِأَدَمَ فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ لَمْ  
يَكُنْ مِنَ السَّاجِدِينَ قَالَ مَا مَنْعَكَ أَلَا تَسْجُدُ إِذْ أَمْرَتُكَ قَالَ إِنَّا خَيْرٌ مِنْهُ خَلَقْتَنِي مِنْ  
ثَارُوٍ خَلَقْتَهُ مِنْ طِينٍ قَالَ فَاهْبِطْ مِنْهَا فَمَا يَكُونُ لَكَ أَنْ تَتَكَبَّرَ فِيهَا فَاخْرُجْ إِنَّكَ مِنْ

### الصَّاغِرِينَ

Maksudnya: “Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu (Adam), lalu Kami membentuk rupa kamu, kemudian Kami berfirman kepada para melaikat; “sujudlah kamu kepada Adam”, lalu mereka sujud melainkan iblis, ia tidaklah termasuk dalam golongan yang sujud. Allah berfirman: “Apakah yang menghalang kamu daripada sujud ketika aku perintahmu?”. Iblis menjawab: “Aku lebih baik daripada Adam, Engkau jadikan daku daripada api, sedang dia Engkau jadikan dari tanah. Allah berfirman: “Turunlah engkau dari Syurga ini, kerana tidak patut engkau berlaku sombang di dalamnya; oleh sebab itu keluarlah, sesungguhnya engkau adalah dari golongan yang hina”.<sup>53</sup>

Melalui ajaran ‘tarekat’ ini juga, ia telah menyamakan Allah dengan makhluk-Nya iaitu dengan mendakwa bahawa Muhammad itu Allah dan Allah itu Muhammad; di samping itu ajaran ini mendakwakan bahawa ‘Maha Guru’nya<sup>54</sup> setaraf dengan kedudukan Muhammad, kerana Muhammad juga adalah makhluk. Dakwaan ini jelas dengan ucapan Hassan seperti katanya: “Bahawa kita tidak perlu heriman kepada Nabi Muhammad s. a. w. sebab Baginda manusia seperti

<sup>53</sup> al-'A'rāf, 7:11-13.

<sup>54</sup> Maha Guru yang dimaksudkan dalam ajaran ini ialah Haji Hassan bin Yaacob yang dianggap oleh pengikut-pengikutnya sebagai maksum.

*kita juga, dan kita juga boleh mengatasinya*".<sup>55</sup> Hassan Anak Rimau sendiri telah menyatakan bahawa beliau sendiri sama kedudukannya dengan Muhammad, malah lebih tinggi lagi *maqamnya* daripada *maqam Muhammad s. a. w.* Katanya lagi: "*Bahawa kita tidak perlu beriman kepada Nabi Muhammad sebab beliau manusia seperti kita juga, malah kita juga boleh mengatasinya*".<sup>56</sup>

Dengan dakwaan seperti ini, maka ajaran tersebut telah menafikan keterangan Allah s. w. t. yang telah menegaskan bahawa Nabi Muhammad s. a. w. adalah pengakhir sekalian nabi-nabi yang diutuskan ke alam ini. Firman-Nya yang berbunyi:

مَا كَانَ مُحَمَّدًا أَبَا أَحَدٍ مِّنْ رِجَالِكُمْ وَلَكِنْ رَسُولَ اللَّهِ وَخَاتَمَ النَّبِيِّينَ  
وَكَانَ اللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلَيْهَا

Maksudnya: "Bukanlah Nabi Muhammad itu (ada anak angkatnya) menjadi bapa yang sebenar bagi seseorang dari lelaki kamu, tetapi ia adalah Rasul Allah dan kesudahan segala nabi-nabi".<sup>57</sup>

Memang benar Nabi Muhammad s. a. w adalah manusia seperti kita, tetapi perlu diketahui bahawa Baginda adalah Rasul, sebagaimana yang dijelaskan dalam ayat di atas tadi. "Muhammad adalah Rasul Allah, dan Baginda berpangkat Nabi lagi Rasul". Manusia seperti kita ini bukan nabi dan rasul. Bagaimanakah

<sup>55</sup> Penal Penyelidik Majlis Agama Islam Kelantan, *Op. Cit*, h. 4.

<sup>56</sup> *Ibid.*, h. 4 -5. Lihat sama Fail Pusat Penyelidikan Islam, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri Malaysia (1990), *Laporan Penyebaran Tariqat Zikrullah Hassan Anak Rimau Di Kampar Perak Oleh Haji Muhammad bin Haji Ya*, Kuala Lumpur.

<sup>57</sup> al-Ahzab, 33:40.

kita seperti Baginda dalam hal ini? Samanya kita dengan Baginda dalam hal-hal makan, minum, perkahwinan, sakit demam dan sebagaimananya dalam sifat-sifat manusia biasa itu tidaklah membolehkan kita menjadi sama dengannya, kerana Baginda adalah Rasul dan manusia yang sempurna. Menurut ijmak para ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah jelas bahawa pangkat Nabi dan Rasul adalah lantikan Allah dan ianya sekali-kali tidak boleh dicapai dengan usaha manusia.<sup>58</sup> Oleh yang demikian, jelas sekali bahawa ‘ajaran’ ini telah terkeluar dari ajaran Islam yang sebenar.

Dalam persoalan keimanan kepada Allah dan Rasul-Nya, Ibn Qayyim mengatakan bahawa bukti kepatuhan dan ketundukan seseorang hamba kepada Allah s. w. t. ialah dengan mematuhi dan melakukan segala suruhan dan perintah-Nya iaitu syariat dan peraturan yang telah disampaikan oleh rasul-rasul-Nya. Sesiapa yang tidak membenarkan keesaan Allah dan kesucian-Nya sebagaimana yang diperintahkan, maka mereka itu telah mengikut hawa nafsu dan kehendak syaitan yang sudah semestinya menyesatkan mereka.<sup>59</sup>

Dengan menafikan kenabian Muhammad s. a. w. sebagai Nabi dan Rasul, maka ajaran Hassan Anak Rimau juga termasuk di dalam kumpulan ajaran sesat yang tidak mempercayai salah satu daripada rukun iman. Seseorang Islam yang beriktiad demikian, iaitu menafikan rukun iman ini, akan terlibat dengan amalan-

<sup>58</sup> Johari bin. Mat (1997), *Ahl Al-sunnah Wa Al-Jama'ah Satu Pengenalan*, Jurnal Usuluddin, Bil. 6., Julai 1997, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

<sup>59</sup> Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1984), *Syarh al-Qasidah al-Niyyah*, Juz 2, Cet. 1., Dar al-Kutub al-Ilmiah, Kaherah, h. 138.

amalan yang membatalkan iman dan disaat itu mereka yang terlibat tidak lagi dikira sebagai seorang Muslim.

Kepercayaan sesat yang wujud di dalam ajaran Hasan Anak Rimau itu juga; terdapat ajarannya yang menafikan kewujudan malaikat yang menjadi salah satu rukun iman yang enam. Ia membawa perkara yang bertentangan dengan akidah Islamiah iaitu tidak mempercayai kepada kewujudan para malaikat yang dijadikan Allah Ta'ala.<sup>60</sup> Mereka yang terlibat dengan ajaran ini, secara jelas tidak beriman dengan malaikat. Dengan itu jelaslah bahawa kepercayaan demikian boleh memesongkan akidah kepada mempercayai daripada rukun iman yang merupakan hukum yang *thābit* disisi hukum agama. Apa yang lebih jelas lagi bahawa seseorang Muslim yang beranggapan dan berkepercayaan demikian telah menjatuhkan diri mereka ke lembah syirik dan kufur.

Selain itu, melalui ajaran yang disampaikan oleh Hassan Anak Rimau, ia telah menolak konsep dosa dan pahala sepertimana yang dijanjikan oleh Allah s.w.t. kepada hamba-Nya. Ajaran ini tidak mengiktiraf janji Allah berhubung dengan pahala sebagai janji balasan baik dari Allah ke atas perbuatan baik hamba-Nya dan ganjaran dosa ke atas perbuatan jahat yang dilakukan. Ia juga mendakwa bahawa guru ‘ajaran tarekat’ tersebut boleh membersih dosa pengikutnya, iaitu dengan cara dimandikan oleh ‘Maha Guru’ seminggu sekali.<sup>61</sup>

<sup>60</sup> Lihat ayat al-Quran kutipan no. 47.

<sup>61</sup> Pejabat Ketua Polis Di Raja Daerah Tanah Merah, Kelantan, *Laporan Siasatan Terhadap Ajaran Hassan Anak Rimau*, yang dihantarkan kepada Kadi Jajahan Tanah Merah, bertarikh: 30 September 1992, [Ruj. 10/5/45. Bil. 956222].

Menolak atau mendakwa bahawa dosa boleh dihapuskan hanya dengan cara dimandikan oleh orang-orang tertentu yang dianggap Maha Guru adalah satu konsep atau kepercayaan yang salah terhadap Islam. Kepercayaan dan amalan seperti ini meletakkan seseorang yang terlibat mempunyai kekuasaan yang setaraf dengan Allah s. w. t. yang boleh mengampunkan segala dosa hamba-Nya. Dakwaan ini menggambarkan sikap takbur seorang hamba terhadap penciptanya iaitu Allah s. w. t.. Kepercayaan ini menyebabkan mereka yang terlibat itu dengan perbuatan syirik.

Perbuatan syirik tidak diampun oleh Allah s. w. t. sepermula amaran yang telah dijelaskan dalam firman-Nya yang berbunyi:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَن يُشْرِكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَن يَشَاءُ وَمَن يُشْرِكُ  
بِاللَّهِ فَقَدِ افْتَرَ إِثْمًا عَظِيمًا

Maksudnya: "Allah tidak akan mengampun dosa syirik mempersekuatkan-Nya (dengan sesuatu apa jua), dan akan mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang dikehendak-Nya (menurut aturan syariat-Nya). Dan sesiapa yang mempersekuatkan Allah (dengan sesuatu yang lain), maka sesungguhnya dia telah melakukan dosa yang besar".<sup>62</sup>

Ajaran sesat tersebut juga telah menafikan kewujudan azab kubur serta menafikan adanya soal jawab semasa di dalam kubur, iaitu setelah seseorang itu mati. Sedangkan persoalan azab kubur dan soal Munkar dan Nakir itu adalah

<sup>62</sup> al-Nisā', 4 : 48.

berkaitan dengan perkara-perkara ghaib yang wajib diiktikad secara yakin oleh setiap orang yang beriman, kerana ia adalah janji dan ketetapan dari Allah.

Ajaran Hassan Anak Rimau<sup>63</sup> juga menafikan berlakunya hari kiamat dengan membuat dakwaan bahawa Allah tidak bodoh hendak memusnahkan sesuatu selepas dijadikan.<sup>64</sup> Beliau ada mengeluarkan pengajaran yang menyentuh pegangan tentang kiamat, katanya: “*Bahawa kiamat tidak akan berlaku, sebab Allah tidak bodoh hendak memusnahkan sesuatu selepas dijadikan*”.<sup>65</sup> Katanya lagi: “*Dunia dan akhirat adalah diri kita sendiri; dunia adalah anggota lahir, dan akhirt adalah semua anggota bahagian dalam tubuh manusia. Bila seseorang anak Adam hendak mati, Allah datang bersalam denganannya*”.<sup>66</sup>

Beliau menafikan kiamat semata-mata dengan menggunakan hujah akalnya yang didorong oleh tipu daya syaitan., iaitu tidak logiknya dunia akan dimusnahkan oleh Tuhan selepas dijadikannya, mustahil Tuhan bodoh dengan memusnahkan perkara yang telah dijadikan dengan sempurna. Wujudnya azab dan nikmat kubur serta berlakunya kiamat itu adalah perkara yang *thabit* di dalam al-Quran dan Sunnah dengan nas-nas yang terang. Tidak mempercayainya boleh membawa gugurnya iman seseorang itu.

<sup>63</sup> Pejabat Ketua Polis Di Raja Malaysia, Daerah Tanah Merah, Kelantan, *Op. Cit.*,

<sup>64</sup> Pejabat Penyelia Agama Kerajaan Kelantan (1979), *Pengakuan Dari Beberapa Orang Pengikut ajaran Hassan Anak Rimau*, bertarikh 5. 5. 1979, [Imam Besar Masjid Pasir Putih, PP. Rui no. 10/79, Kelantan].

<sup>65</sup> Pejabat Penyelia Agama Kerajaan Kelantan, *Op. Cit.*

<sup>66</sup> *Ibid.*

Ajarannya yang menyebutkan bahawa bila anak Adam meninggal Allah datang bersalam dengannya, itu adalah sesuatu yang tidak ada nas berkenaan dengannya. Ajaran ini telah menyelewengkan maklumat sebenar berhubung dengan perkara-perkara ghaib yang telah dijelaskan dan diakui oleh Allah s. w. t. di dalam al-Quran. Firman-Nya yang berbunyi:

إِذَا زَلَّتِ الْأَرْضُ زَلَّتِهَا وَأَخْرَجَتِ الْأَرْضُ أَنْقَالَهَا وَقَالَ إِنْسَانٌ مَا لَهَا  
يَوْمَئِذٍ ثَحَدَثَ أَخْبَارَهَا بِأَنَّ رَبَّكَ أَوْحَى لَهَا يَوْمَئِذٍ يَصْنَعُ النَّاسُ أَشْتَائًا لِّيَرَوْا  
أَعْمَالَهُمْ فَمَنْ يَعْمَلُ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ وَمَنْ يَعْمَلُ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ

Maksudnya: "Apabila bumi digegarkan dengan gegaran yang sedahsyat-dahsyatnya, serta bumi itu mengeluarkan segala isinya. Dan berkataklah manusia (dengan perasaan gerun): "Apa yang sudah terjadi kepada bumi?". Pada hari itu bumi pun menceritakan khabar beritanya. Bahawa Tuhanmu telah memerintahkannya (berlaku demikian). Pada hari itu manusia akan keluar berselerak (dari kubur masing-masing) untuk diperlakukan kepada mereka balasan amal-amal mereka. Maka sesiapa berbuat kebajikan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya), dan sesiapa berbuat kejahanatan sebesar zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)."<sup>67</sup>

Di dalam ajaran tersebut, terdapat dakwaan bahawa 'Hassan' telah mikraj ke langit sebanyak tujuh kali. Antara dakwaannya ialah: "Bahawasanya beliau telah mikraj ke langit sebanyak tujuh kali dan beliau 'duduk' di atas 'Arasy, satu pemherian Tuhan yang tidak dikurniakan kepada orang lain, selain daripadanya".<sup>68</sup>

<sup>67</sup> al-Zalzalah, 99:1-8.

<sup>68</sup> Pejabat Ketua Polis Di Raja Malaysia Daerah Tanah Merah, Kelantan, *Op. Cit.*

Kata Hassan lagi: "Semasa mikraj ke langit bukan berjumpa Tuhan sebenar tetapi berjumpa dengan Malaikat Jibrail, sebabnya Jibril itulah tuhan. Dan sempat berada di atas 'Arasy. Dakwaan Muhammad dia bergi berjumpa tuhan adalah politik semata-mata, pada hal beliau duduk di rumah sahaja".

Sebagai manusia biasa seperti 'Hassan' mengaku melakukan mikraj, membuktikan pernyataan demikian adalah termasuk di dalam perbuatan mendustai Allah dan Rasul-Nya. Mendustai Allah dan Rasul-Nya adalah tergolong di dalam amalan-amalan yang menyebabkan seseorang yang mempercayainya menjadi murtad. Seperti yang dijelaskan oleh Allah s. w. t., peristiwa israk dan mikraj ini hanya berlaku pada Rasulullah s. a. w. sahaja sebagai mukjizat untuk Baginda, dan tidak akan berlaku kepada orang lain selepas Baginda s. a. w. Peristiwa israk dan mikraj telah pun dithabit dan dijelaskan oleh Allah s. w. t. di dalam firman-Nya yang berbunyi:

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَنْدِهِ لَنَا مِنَ الْمَسَجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسَجِدِ الْأَقْصَى  
الَّذِي بَارَكَنَا حَوْلَهُ لِتُرِيهَ مِنْ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

Maksudnya: "Maha Suci Allah yang telah menjalankan hamba-Nya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid al-Haram (di Mekah) ke Masjid al-Aqsa (di Palestin) yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui".<sup>69</sup>

---

<sup>69</sup> al-Isrā', 17:1.

Manakala dakwaan Hassan dimana ia telah duduk di atas 'Arasy semasa mikraj ke langit itu adalah sesuatu yang mustahil mengikut apa yang difahamkan oleh nas-nas agama, kerana sebabnya 'arasy itu adalah dinisbahkan kepada Tuhan, bukan dinisbahkan kepada makhluk. Firman-Nya yang berbunyi:

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَةٌ وَلَا تُنْوِمُ لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي  
الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْقَعُ عَنْهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا  
يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسَعْيُ كُرْنِسِيَّةِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَا  
يَؤُوذُهُ حِفْظُهُمْ وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ

Maksudnya: "Allah, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Tetap Hidup, Yang Kekal selama-lamanya mentadbirkan (sekalian makhluk-Nya). Yang tidak mengantuk usahakan tidur. Yang memiliki segala yang ada di langit dan yang ada di bumi. Tiada sesiapa yang dapat memberi syafa'at (pertolongan) di sisi-Nya melainkan dengan izin-Nya. Yang Mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka, sedangkan mereka tidak mengetahui sesuatu pun dari (kandungan) ilmu Allah melainkan apa yang Allah kehendaki. Luasnya Kursi Allah (ilmu-Nya dan kekuasaan-Nya) meliputi langit dan bumi; dan tiadalah menjadi keberatan kepada Allah memelihara keduanya.<sup>70</sup> Dan Dialah Yang Maha Tinggi (darjah kemulian-Nya), lagi Maha Besar (kekuasaan-Nya).

Alangkah dustanya dakwaan sedemikian, sedangkan Nabi Muhammad sendiri pun tidak dikurniakan kedudukan sehingga boleh bersemayam di atas 'Arasy, inikan pula manusia seperti Hassan Anak Rimau yang jahil dan membaca al-Quran pun tidak betul. Mustahil pada hukum dan juga pada adat; Allah s. w. t.

<sup>70</sup> Yakni langit dan bumi serta seisinya.

<sup>71</sup> al-Baqarah, 2:255.

tidak akan mengangkat sebegitu tinggi dari kalangan makhluk-Nya, lebih-lebih lagi orang-orang yang jahil.

Di dalam ajaran yang dibawanya, Hassan Anak Rimau juga ada mengajarkan, bahawa hukum-hukum Syariat seperti sembahyang, puasa dan zakat, itu ciptaan pemerintah, tidak ada kena mengena dengan Tuhan. Oleh itu tidaklah wajib kita taat kepadanya. Beliau mengatakan bahawa al-Quran yang ada sekarang adalah bukan al-Quran sebenarnya, sebab al-Quran yang sebenar adalah yang lain, iaitu ‘al-Quran batin’.<sup>72</sup>

Pendapatnya yang mengatakan bahawa hukum-hukum Syariat itu adalah rekaan pemerintah, bukannya dari perintah Tuhan, adalah amat besar kesalahannya. Ini kerana setiap dari hukum-hukum Syariat adalah daripada Allah, sebagaimana yang dijelas oleh al-Quran, Hadis dan ijma' ulama. Oleh itu sesiapa yang mengatakan ianya adalah rekaan manusia, maka terkeluarlah ia dari agama Islam (na'ūzu billāhi min zālik). Al-Quran adalah wahyu yang diturunkan oleh Allah s. w. t. kepada Nabi s. a. w.. Tidak ada suatu huruf pun yang dilebih atau dikurangkan. Inilah yang telah disepakati oleh para ulama dari kalangan umat Islam. Sesiapa yang mengatakan kitab suci al-Quran bukannya dari Allah, maka jelas ia telah terkeluar dari agama Islam yang suci.<sup>73</sup>

---

<sup>72</sup> Pejabat Penjara Pengkalan Chepa, Kelantan, *Op. Ctr.*

<sup>73</sup> Dato' Mohd. Shukri bin Muhammad, Timbalan Mufti Kerajaan Kelantan. Temubual penulis bersama beliau di pejabatnya, Pejabat Mufti Balai Islam Lundang, Kota Bharu, bertarikh: 5 Mac 2002, jam 11.30 pagi.

### **3.2.2 Penyelewengan Terhadap Ibadah Fardu**

Di dalam keghairahan untuk menarik kepercayaan dan perhatian orang ramai terhadap ajaran yang dibawa, Hassan bin Yaacob telah memperkenalkan bentuk-bentuk ibadat yang tertentu yang telah diselewengkan dari ajaran Islam yang sebenar. Ibadat-ibadat tersebut diselewengkan untuk tujuan manarik minat pengikut-pengikutnya, kerana didakwa ia lebih benar, mudah dan ringkas dari apa yang telah ditetapkan oleh syarak; iaitu sepetimana ibadat-ibadat yang telah diterima dan diamalkan oleh seluruh umat Islam dari dahulu hingga hari ini.

Melalui kajian ini didapati ajaran Tarekat Zikrullah Hassan Anak Rimau menamakan ibadat sembahyang dengan nama ‘sembahyang hakikat’. Sembahyang hakikat ini dilakukan dengan cara hanya memejamkan mata dan niat. Mengikut ajaran ini lagi, sembahyang boleh dilakukan awal sedikit iaitu sebelum masuk waktu sekadar satu dua minit jika mustahak.<sup>74</sup> Untuk menunjukkan keangkuhannya Hassan mendakwa bahawa hukum kefarduan sembahyang, puasa, zakat dan haji adalah ciptaan pemerintah, ia tidak ada kena mengena dengan Tuhan. Pada satu ketika yang lain Hassan juga turut mendakwa bahawa sembahyang jumaat tidak wajib dan seterusnya mendakwa sembahyang lima waktu juga tidak wajib.<sup>75</sup> Untuk menaikkan imej ajarannya Hassan membuat dakwaan bahawa ajaran Islam yang diajar oleh guru-guru atau ustaz-ustaz ‘selain darinya’ hanya ajaran kulit sahaja.<sup>76</sup>

<sup>74</sup> Salleh bin Ismail, *Op. Cit.*, h. 382-386.

<sup>75</sup> Penal Penyelidik Majlis Ugama Islam Kelantan, *Op. Cit.*, h. 11-13.

<sup>76</sup> *Ibid.*, h. 15-17.

Ia juga menolak ibadat sembahyang dengan membuat dakwaan hanya memadai dengan berzikir sahaja, atas alasan ia sudah ada pada diri kita. Ini kerana mempercayai dirinya itulah dikatakan dunia akhirat. Maksudnnya; bahawa dunia, akhirat, langit, bumi, syurga, neraka, perhimpunan mahsyar, neraca, sirat, baitullah, baitul makmur dan lain-lain terkumpul semuanya pada diri sendiri, dan dirinya itulah yang dikatakan benda-benda tersebut; lalu dikatakan ubun-ubunnya (Hassan) itu Baitulmakmur dan dadanya itu Baitullah dan belakangnya itu titian *Sirat al-Mustaqim*, segala jari-jari tangan dan jari-jari kakinya ialah sifat 20. Demikianlah dakwaan mereka yang mempercayai serta mengikuti ajaran ini.<sup>77</sup>

Selain dari menyelewengkan ibadat sembahyang ajaran sesat yang disebarluaskan oleh Hasan Anak Rimau ini turut memesangkan ibadat zakat yang difardukan oleh Allah ke atas umat Islam, dengan mengadakan amalan-amalan yang berbeza daripada yang dituntut oleh syarak. Penyelewengan ini dilakukan baik dari segi pengertian mahu pun dari segi amalan. Ia mendakwa bahawa zakat sebenarnya memberi tahu atau bersyarah kepada orang ramai.<sup>78</sup> Sedangkan zakat mengikut syarak ialah mengeluarkan sebahagian dari harta benda yang dimiliki apabila mencukupi syarat-syarat yang ditetapkan oleh syarak.

Dakwaan seperti ini jelas karut dan terpesong dari ajaran Islam yang sebenar, di mana kewajipan zakat sudah pun thabit dengan nas seperti firman Allah s. w. t. di dalam surah al-Taubah ayat 103 dan diterima pula oleh ijmak ulama malah ia adalah dari rukun Islam yang lima. Kerana itu, menafikan hukum

<sup>77</sup> Pejabat Penjara Pengkalan Chepa, Kelantan, *Op. Cit.*

<sup>78</sup> *Ibid.*

dan kefarduan zakat bererti menolak dan menafikan hukum syarak dan rukun iman serta menolak al-Quran. Perbuatan demikian mendedahkan seseorang Muslim kepada jenayah murtad yang terkeluar daripada akidah Islamiah. Seperti ibadah sembahyang dan zakat, ibadat puasa juga terdedah kepada penyelewengan yang dilakukan oleh kumpulan-kumpulan ajaran sesat yang tertentu; antara ajaran sesat yang menyelewengkan ibadah puasa daripada apa yang disyariatkan oleh Allah s. w. t. ialah Hassan Anak Rimau, di mana ajaran ini mendakwa ibadat puasa adalah tidak wajib dan ianya boleh dilakukan hanya sebanyak 15 hari sahaja dan dilakukan pada bulan *Muharam*.<sup>79</sup>

Dakwaan ini jelas bertentangan dengan ajaran Islam yang memutuskan bahawa puasa diwajibkan sebulan bulan Ramadan. Mengurangkan atau menukar kefarduan ibadat puasa dari apa yang telah ditetapkan oleh syarak melibatkan mereka yang berbuat demikian dengan jenayah pembatalan iman.

Ibadat haji yang menjadi rukun Islam yang kelima juga tidak sunyi dari diselewengkan oleh mereka yang membawa ajaran sesat. Antara penyelewengan yang dilakukan ke atas ibadat haji ialah dakwaan Hassan Anak Rimau bahawa ibadat haji tidak payah pergi ke Mekah, memadailah dengan mengerjakan di negeri sendiri; hanya memakai niat di dalam hati sahaja. Lagi pun ibadat haji tidak wajib dikerjakan kerana ia sudah ada pada diri kita. Ibadat haji tidak perlu ditunaikan secara fizikal, tetapi memadai dilakukan secara niat.<sup>80</sup>

<sup>79</sup> *Ibid.*

<sup>80</sup> Penal Penyelidik Majlis Agama Islam Kelantan, *Op. Cit*, h. 16-19.

mendakwa perkahwinan dengan orang yang bukan mengikut ajaran ini tidak sah, kerana mereka belum Islam lagi. Bagi mereka (pasangan suami isteri) yang baru memasuki kumpulan ajaran ini bahawa pasangan suami isteri tersebut mestilah dikahwinkan semula oleh ‘Tok Guru’ secara batin. Sementara itu Hassan Anak Rimau dengan berani mengakui: “*Bahawa anak kunci Syurga berada di tangannya sahaja (bermakna bahawa siapa yang hendak masuk Syurga mestilah menjadi murid Hasan Anak Rimau)*”.<sup>82</sup>

Ajaran yang jauh terpesong dari landasan agama Islam yang sebenar ini telah meletakkan ajaran dan martabat gurunya di tempat yang amat tinggi, mengatasi ketinggian agama Islam yang diturunkan oleh Allah s. w. t. melalui Junjungan Besar, Nabi Muhammad s. a. w. sebagai agama anutan manusia sejagat.

Hanya Islam sahajalah agama yang direrai-Nya sampai ke hari kiamat.<sup>83</sup> Jelaslah ajaran Hassan Anak Rimau ini tidak bertunjang kepada asas-asas yang kukuh dan benar seperti al-Quran, al-Hadith, ijmak dan kias yang merupakan sumber utama yang menentukan benar atau salahnya sesuatu perkara itu. Oleh itu ternyata bahawa ajaran yang diajar dan disebarluaskan oleh Hassan bin Yaacob ini jauh terpesong dari ajaran Islam yang sebenar.

---

<sup>82</sup> Unit Penyelidikan Islam, JAKIM, *Op. Cit.*

<sup>83</sup> Perkara ini dinyatakan oleh Allah s. w. t. di dalam al-Quran, antaranya pada surah Ali Imran, ayat 85.

### **3.3 Murtad Melalui Perbuatan, Percakapan Dan Iktikad**

Kumpulan ajaran Hassan Anak Rimau menggunakan berbagai taktik atau helah untuk ‘menangkap’ orang-orang yang bodoh supaya tertarik dan menerima dakwaan mereka. Mereka mencipta bermacam-macam istilah yang disesuaikan mengikut taraf atau keadaan orang yang hendak dipancing sebagai mangsanya; termasuklah cara dan bentuk-bentuk yang membawa kepada terbatalnya akidah Islamiah yang membawa kepada berlakunya murtad.

Amalan murtad boleh berlaku dengan berbagai cara. Kadangkala seseorang itu boleh terjerumus dalam kancah jenayah murtad; terbatalnya akidah Islamiah melalui perbuatan dan tidak kurang juga murtad berlaku melalui amalan atau penafian terhadap hukum Allah.

#### **3.3.1 Murtad Melalui Perbuatan**

Murtad melalui perbuatan boleh berlaku apabila seseorang Islam melakukan sesuatu tindakan atau perbuatan yang dilarang oleh syarak dengan cara sengaja atau kerana mempersendakan hukum Allah atau kerana memandang ringan (lekeh), atau kerana mahu menentang hukum Islam. Maka perbuatan tersebut boleh membuatkan seseorang itu terdedah kepada jenayah murtad; terkeluar dari akidah Islamiah.<sup>84</sup> Perbuatan-perbuatan dilarang yang boleh menyebabkan seseorang itu menjadi murtad kerana terbatalnya akidah iman, ialah seperti sengaja sujud kepada manusia, matahari, bulan atau lajin-lain dari makhluk

<sup>84</sup> Salleh bin Ismail, *Op. Cit*, h. 17-19.

Allah. Dalam keadaan demikian perbuatan-perbuatan tersebut akan menyebabkan pelakunya menjadi murtad ini jika dilakukan tanpa sebarang takwil.<sup>85</sup> Hal demikian sememangnya jelas berlaku dalam ajaran yang dikembangkan oleh Hassan Anak Rimau.

Perbuatan-perbuatan lain yang boleh juga seseorang itu menjadi murtad; terbalinya akidah Islamiah ialah apabila seseorang Islam dengan sengaja tanpa uzur syar'i telah tidak menunaikan serta menafikan kefarduan sembahyang atau puasa atau zakat atau haji, sedangkan ia berada di tengah-tengah masyarakat yang tahu hukum wajibnya serta mengamalkan ibadat tersebut.<sup>86</sup> Allah s. w. t. telah bersifman:

وَمَن يَبْتَغِ عَيْرَ إِلَسْلَامٍ دِينًا فَلَن يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ

Maksudnya: "Sesiapa yang mencari agama selain dari Islam, maka ia (agama itu) tidak diterima (oleh Allah) dan di akhirat termasuk di dalam kumpulan orang-orang yang rugi".<sup>87</sup>

Ayat di atas Allah menjelaskan bahawa hanya agama Islam sahaja yang diterima oleh Allah manakala agama-agama atau kepercayaan-kepercayaan yang lain darinya Allah tidak menerima dan tidak meredainya. Menerima Islam sepenuhnya adalah merupakan pengakuan kepada ketuhanan, ketuanan, kepimpinan dan kekuasaan Allah s. w. t., manakala menolaknya bererti menolak

<sup>85</sup> Takwil ialah alasan yang digunakan berdasarkan nas sama ada dari al-Quran atau hadis berhubung dengan satu-satu perkara yang berkaitan dengan agama, tetapi berlainan dari kefahaman ramai atau ijmak ulama berhubung dengan perkara yang sama.

<sup>86</sup> Shams al-Din Muhammad bin Abi Bakr bin Qayyim al-Juziyah (1982). *Tariq al-Hijratayn Wa Bab al-Sa'ādatayn*, Cet. I., Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, h. 22.

<sup>87</sup> Ali 'Imraan, 3:85.

segala sifat-sifat tersebut yang dimiliki oleh Allah. Ia adalah masalah ketuhanan dan keabdián, persoalan keadilan dan kebaikan, persoalan kemerdekaan dan persamaan, ia juga persoalan kebebasan manusia; di mana persoalan ini melibatkan soal iman atau kufur, Islam atau jahiliah.<sup>88</sup>

### 3.3.2 Murtad Melalui Percakapan

Seseorang Muslim boleh membawa kepada terbatal akidahnya yang menjadi murtad melalui percakapan, apabila ia mengaku dirinya kafir, atau menafikan Allah s. w. t. sebagai Tuhan Yang Maha Esa. Begitu juga jika mengaku ada tuhan yang lain selain dari Allah, atau menafikan salah satu dari sifat-sifat Allah; seperti mendakwa Allah mempunyai anak atau mendakwa dirinya setaraf dengan Allah atau mendakwa dirinya menjadi nabi, atau membenarkan orang lain mendakwa dirinya menjadi nabi, atau menafikan kewujudan para nabi atau malaikat, atau menafikan al-Quran atau kandungannya.

Seseorang yang menafikan wujudnya hari kebangkitan juga boleh terlibat dengan perbuatan murtad disebabkan terbatal akidahnya; begitu juga apabila menafikan lafadz dua kalimah Syahadah, atau mengiklankan dirinya telah terlepas dari agama Islam. Demikian juga apabila seseorang Islam menghalalkan perbuatan zina atau mengharamkan pernikahan yang mana hukum halal dan haramnya telah thābit secara ijmak ulama atau memaki nabi atau para malaikat

---

<sup>88</sup> Sayyid Qutub (1986), *Fi Zilal al-Qurān*, Jilid 2., Cet. 12, Dar al-Shuruq, Kaherah, h. 888.

atau menghina al-Quran atau menafikan sesuatu yang telah diwajibkan melalui nas atau ijmak.<sup>89</sup>

### 3.3.3 Murtad Melalui Iktikad

Seseorang Islam boleh menjadi murtad melalui kepercayaan yang menyeleweng dari akidah Islam yang sebenar, seperti menganggap (meyakini) bahawa alam ini wujud secara semula jadi tanpa Khalik atau menganggap bahawa Allah s. w. t bersifat baharu, atau beriktikad bahawa berlaku persepaduan (penyatuan) zat antara Khalik dengan makhluk atau mempercayai bahawa roh Allah s. w. t boleh menjelma di dalam diri seseorang, atau mempercayai bahawa al-Quran bukan datang dari Allah s. w. t atau menganggap bahawa Rasulullah seorang pendusta; atau bentuk-bentuk lain yang boleh membatalkan akidah Islamiah. Perbuatan seperti ini merupakan suatu penghinaan terhadap Allah sebagai Khalik. Maha Suci Allah dari sifat kekurangan. Allah telah menerangkan kemurkaan-Nya dan memberi peringatan yang menakutkan kepada sesiapa yang menghikianati kekuasaan-Nya, seperti mana firman-Nya:

بَلْ نَذِنُ بِالْحَقِّ عَلَى الْبَاطِلِ فَيَنْمَلِهُ فَإِذَا هُوَ زَاهِقٌ وَكُلُّ الْوَيْلِ مِمَّا تَصْفِونَ

Maksudnya: “*Bahkan Kami sentiasa mengarahkan yang benar menentang yang salah, lalu ia menghancurkannya, maka dengan serta merta hilang lenyaplah dia. Dan tetaplah kecelakaan akan menimpamu disebabkan apa yang kamu sifatkan (terhadap Kami)*”<sup>90</sup>

<sup>89</sup> al-Imām Yūsuf al-Irdabīlī (1970), *al-Anwār Lī A'mal al-Abrār*, Cetakan akhir, Juzuk 2., Mu'assasat al-Halabi Wa Shirkah, Kaherah, h. 482.

<sup>90</sup> al-Anbiā', 21:18.

Melalui ayat ini Allah telah menerangkan tentang kesempurnaan sifat-Nya, bahawa Maha Suci Allah daripada melakukan sesuatu yang sia-sia, atau la bersifat dengan sifat-sifat kekurangan, sebagaimana yang dikatakan oleh kaum kafir musyrik itu. Bahkan Ia sentiasa bertindak dengan benar untuk menegakkan yang benar dan menghancurkan yang salah. Demikianlah peraturan dan undang-undang Allah Ta'ala, yang salah tidak akan kekal, sekali pun pada setengah-setengah ketika yang salah itu diberi kuasa, untuk menguji iktikad atau kepercayaannya.<sup>91</sup> Allah s. w. t. telah menceritakan tentang kekuasaan-Nya yang meliputi semua perkara ke atas makhluk-Nya. Perkara tersebut dinyatakan oleh Allah seperitimana penjelasan firman-Nya yang berbunyi:

لَهُ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ يُحْيِي وَيُمِيتُ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksudnya: “*Dialah sahaja yang menguasai dan memiliki langit dan bumi; Ia menghidupkan dan mematikan; dan Ia Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu*”<sup>92</sup>.

Islam yang diturunkan oleh Allah s. w. t. melalui Rasul-Nya adalah amat sesuai di semua masa, tempat dan keadaan. Merendah-rendahkan dan meninggalkan undang-undang dan kewajipan-kewajipan yang difardukan Allah, dengan mencipta undang-undang dan amalan-amalan yang lain menggantikan tempatnya di dalam kehidupan sehari-hari adalah menghina dan memperlekehkan-Nya. Sehubungan dengan penghinaan ini Allah telah memberi ingatan tentang kecelakaan yang akan diterima oleh mereka-mereka yang durhaka kepada-Nya.

<sup>91</sup> Syeikh Abdullah Basmeh (1992), *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*, Cet. 5., Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, h. 810 – 811.

<sup>92</sup> Surat al-Hadid, 57:22.

Ini telah dijelaskan oleh Allah di dalam firman-Nya seperti di dalam ayat al-Anbiya itu.

Kepercayaan-kepercayaan atau angapan-angapan seperti di atas, tidak akan melibatkan pelakunya menjadi murtad selagi tidak dizahirkan melalui percakapan atau perbuatan. Seseorang yang mempercayai sesuatu yang bertentangan dengan kebenaran Islam masih dikira Islam dari sudut pandangan zahir dan tidak dihukum dengan hukuman murtad semasa hidupnya di dunia ini selagi tidak dizahirkan melalui percakapan atau perbuatan. Kedudukannya terpulang kepada Allah s. w. t. untuk menentukannya di akhirat kelak. Namun begitu, apabila iktikad itu dimanifestasikan melalui percakapan atau perbuatannya, maka dia boleh disabitkan dengan hukum murtad dan terkeluar dari agama Islam.<sup>93</sup> Perkara ini berdasarkan kepada sabda Rasulullah s. a. w. yang berbunyi:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ إِنَّ اللَّهَ تَجَاوَزَ عَنْ أَمْتَيِّ مَا وَسَوَّسَتْ بِهِ صَدُورَهَا  
مَا لَمْ تَعْمَلْ بِهِ أَوْ تَكَلَّمْ

Maksudnya: "Dari Abu Hurairah r. a. berkata: Sabda Rasulullah s. a. w.: Sesungguhnya Allah s. w. t. memaafkan umatku dari apa yang menjadi was-was di dalam dadanya selagi dia tidak melakukan atau mengeluarkannya melalui percakapannya".<sup>94</sup>

<sup>93</sup> Sayyid Qutub (1991), *al-Mustaqbal Li Hadzān al-Dīn*, Cet. 5, Dar al-Qari, Kaherah, h. 56-59.

<sup>94</sup> al-Syiekh Muhammad bin Ali bin Muhammad al-Ahawkani, *Op. Cit.*, h 56.

Oleh kerana banyak penyelewengan terhadap akidah dan juga ayat-ayat al-Quran serta hukum-hukum syarak yang ditaklifkan yang terdapat dalam ajaran Tarekat Zikrullah Hassan Anak Rimau ini, maka seseorang yang menganuti dan mengamali ajaran ini bermakna ia telah terlibat dengan hukum murtad dan terkeluar dari Islam. Dengan melakukan penyelewengan tersebut, maka nyatahalah ajaran tersebut telah membohongi Allah dan Rasul-Nya dengan membuat berbagai dakwaan yang palsu dan dusta ke atas Allah s. w. t. dan Rasul-Nya.

Hasil dari kajian ini, dapatlah diambil satu kesimpulan; bahawa antara sebab berlaku perpecahan umat Islam dari sejak dahulu lagi hingga ke hari ini, adalah berpunca dari unsur-unsur luaran yang bergerak secara terancang dan tersembunyi yang dimainkan oleh musuh-musuh Islam; antaranya ialah Ajaran Hassan Anak Rimau yang telah mencemari kemurnian akidah Islamiah di negara ini, terutamnya di negeri Kelantan.

Penulis berpendapat, perpecahan umat Islam hingga membawa kepada kelemahannya, bukanlah disebabkan kerana beramal atau fanatik kepada ajaran Islam yang sebenar dan suci, tetapi ia adalah berlaku dari serangan yang dirancang oleh musuh-musuh Islam yang berselindung di bawah nama Islam. Musuh-musuh Islam ini bergerak dengan membawa masuk ajaran-ajaran yang boleh merosak dan meruntuhkan akidah umat Islam. Mereka berbuat demikian kerana sesuatu kepentingan, dengki, benci dan marah terhadap agama Islam dan umatnya yang diredayai Allah.